

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS GRADUASI KE-7
MAKTAB RENDAH SAINS MARA TUN ABDUL RAZAK
PADA HARI JUMAAT, 20 OKTOBER 2016, PUKUL 8.30 PAGI
DI DEWAN MRSM TUN ABDUL RAZAK, PEKAN**

SALUTASI

Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Tuan Haji Zulbahari Hamzah

Timbalan Pengarah MARA Pahang

Mewakili Pengarah MARA Negeri Pahang

Yang Berusaha Encik Mohammad Ismail

Mewakili Yang Dipertua Muafakat MRSM Tun Abdul Razak,

Yang Berusaha Puan Hajah Norlela Meon

Pengetua MRSM Tun Abdul Razak;

Yang Berusaha Puan Hajah Noorrizan Arifin,
Timbalan Pengetua Hal Ehwal Akademik MRSM Tun Abdul Razak;
Ketua-Ketua Jabatan dan wakil-wakil agensi kerajaan daerah Pekan;

Pengetua-pengetua MRSM
dan Pengetua-pengetua Sekolah Daerah Pekan;

Ahli-ahli Senat Maktab, guru-guru, ibu bapa dan penjaga
serta para graduan MRSM Tun Abdul Razak yang diraikan sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya dapat sekali lagi bersama dengan warga MRSM Tun Abdul Razak, Pekan dalam majlis graduasi ini.

2. Terlebih dahulu, sukalah saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada warga MRSM Tun Abdul Razak, khususnya kepada Tuan Pengetua, Hajah Norlela Meon atas jemputan untuk saya menyempurnakan Majlis Graduasi ini.
3. Umum mengetahui bahawa sejak pengwujudannya, institusi MRSM telah memainkan peranan penting dalam pemeraksanaan kecemerlangan akademik anak Bumiputera di negara ini.
4. Kewujudan MRSM telah membolehkan lebih ramai anak Bumiputera mengambil aliran sains, dan seterusnya mengikuti pula bidang-bidang yang berkaitan dengannya, seperti kejuruteraan dan perubatan di peringkat pengajian tinggi.
5. Maka pada hari ini, saya turut berkongsi perasaan sukacita dan bangga dengan hadirin sekalian dalam meraikan kejayaan 137 graduan dari kalangan pelajar Tingkatan 5 MRSM Tun Abdul Razak ini yang telah membuktikan kecemerlangan mereka dalam bidang akademik.

6. Majlis graduasi ini juga amat signifikan sebagai sebuah acara pengiktirafan atas usaha para graduan sekalian, sekaligus memahat motivasi yang tinggi kepada saudara dan saudari untuk menempuh cabaran peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai 7 November 2016 yang akan datang.

MRSM DAN PEMBANGUNAN NILAI

7. Tuan-tuan dan puan-puan,

Pertambahan bilangan MRSM di seluruh negara, dalam konteks pendemokrasian pendidikan, telah melebarkan lagi akses anak tempatan yang berpotensi kepada peluang pendidikan menengah yang sempurna dan cemerlang.

8. Pada hemat saya, perkembangan ini membuktikan komitmen tinggi kerajaan melalui Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk terus memperkasa bidang pendidikan di Malaysia. Malah, jenama MRSM itu sendiri memang telah sinonim dengan kualiti, kecemerlangan dan keunggulan.

9. Justeru, cabaran yang perlu ditangani oleh warga MRSM, sama ada para pendidik atau pelajar ialah untuk mengekalkan persepsi positif dan kepercayaan umum terhadap tanda mutu yang dipaparkan oleh institusi ini.
10. Keseimbangan empat elemen Falsafah Pendidikan Negara iaitu Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek akan melahirkan keseimbangan watak warga pelajar MRSM.
11. Sejarah telah membuktikan kepada kita bahawa tamadun yang tidak disulami nilai keagamaan, moral dan etika akhirnya runtuh juga. Ini semata-mata berpunca daripada kerapuhan pegangan nilai dan kekaburan pedoman.
12. Maka, peristiwa dan sejarah silam seharusnya lebih mengisafkan kita untuk merencana masa hadapan dengan lebih terarah dan waspada, tanpa mengabaikan kepentingan nilai dan etika.

13. Oleh yang demikian, selain berperanan sebagai gedung pengajian ilmu pengetahuan, MRSM juga merupakan semaian subur kepada nilai dan etika sebagai asas peradaban yang teguh. Ekosistem peradaban ini hanya akan lestari sekiranya aspek ilmu dan nilai didakap secara holistik dalam kerangka disiplin yang khusus.

14. Saya percaya, dengan rekabentuk sistem pengajiannya yang istimewa dan kualiti pencapaiannya yang cemerlang, MRSM memang mempunyai keupayaan untuk merealisasikan gagasan tersebut tanpa masalah yang besar.

MENYELESAIKAN SEBUAH PERJALANAN

15. Saudara dan saudari, graduan sekalian,

Anda adalah sebahagian anak muda Malaysia yang bertuah kerana telah terpilih untuk mengikuti sistem pengajian MRSM. Penekanan yang diberikan terhadap tiga bidang utama iaitu program akademik, program perkembangan sahsiah dan program perkembangan bakat menjadikan struktur sistem ini amat holistik dan unik.

16. Oleh kerana perjuangan akademik anda belum lagi tamat selepas ini, strategi perlu dirangka dan inisiatif perlu dilaksanakan untuk tidak sekadar mengekalkan, tetapi meningkatkan potensi dan bakat yang dimiliki oleh saudara dan saudari.
15. Ini berupaya dimaknakan dengan menentukan prioriti semasa, mengutamakan perkara-perkara yang mustahak dan penting (*urgent and important*) dan mengenenepikan hal-hal yang remeh-temeh.
17. Sehubungan dengan itu, saudara dan saudari masih mempunyai masa untuk menyemak semula perancangan laluan akademik supaya dijajarkan secara realistik dengan minat dan cita-cita serta prestasi akademik semasa anda.
18. Landskap pendidikan tinggi negara pada hari ini adalah amat kompetitif. Selepas alam persekolahan di sini, para graduan sekalian akan bersaing pula dengan lebih ramai lagi calon dari seluruh negara untuk mendapatkan tempat pengajian di universiti-universiti tempatan dan luar negara.

19. Selain memenuhi syarat kelayakan akademik yang diperlukan, landskap pendidikan tinggi yang kompetitif tersebut turut menuntut kelasakan mental, kekentalan jiwa dan ketahanan fizikal anda sekalian. Saya percaya, persediaan ke arah cabaran tersebut telah pun bermula lebih awal lagi tatkala anda mengikuti pengajian di MRSM ini hasil bimbingan para guru yang komited dan doa restu ibu bapa anda.

20. Sebagai suntikan semangat kepada warga putera dan puteri sekalian, UMP sejak 2014 lagi telah menaja Hadiah Kecemerlangan Akademik untuk disampaikan kepada penerima-penerima dari kalangan graduan MRSM Tun Abdul Razak yang memenuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

21. Pengwujudan hadiah ini merupakan satu bentuk dorongan dan galakan untuk warga putera dan puteri untuk terus berusaha cemerlang pada hari ini, esok dan masa akan datang. Justeru, sukalah saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada dua graduan yang akan diumumkan sebagai penerima Hadiah Kecemerlangan Akademik UMP tersebut pada hari ini.

HARAPAN

22. Tuan-tuan dan puan-puan, saudara dan saudari,

Pada hemat saya, di samping meraikan para graduan, majlis pada hari ini juga merupakan medan apresiasi kepada para pendidik dan ibu bapa.

23. Justeru, pada detik yang bermakna ini saya meminta para graduan sekalian untuk menginsafi bahawa pengorbanan dua golongan istimewa ini – para pendidik dan ibu bapa merupakan hutang budi yang tidak akan mampu dibayar.

24. Namun, kepada saudara dan saudarilah disandarkan harapan untuk bangkit mencipta kecemerlangan, menjadi warga kebanggaan agama, bangsa dan negara.

KATA PENUTUP DAN LAFAZ PERASMIAN

25. Tuan-tuan, puan-puan dan graduan sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada warga MRSM Tun Abdul Razak atas penganjuran majlis pada pagi ini.

26. Mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus melimpahkan rahmateliharaan-Nya kepada kita semua dan negara Malaysia ini dengan naungan keamanan, kesejahteraan, kemakmuran dan kecemerlangan, *Amin*.

27. Dengan harapan dan doa tersebut serta lafaz yang mulia *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya membuka Majlis Graduasi Ke-7 Maktab Rendah Sains MARA Tun Abdul Razak dengan rasminya.

Sekian, *Wabillahi taufiq walhidayah,*

Assalamualaikum warhmatullahi wabarakatuh.